

**SALAH LAKU DALAM KALANGAN PENYOKONG BOLA
SEPAK DI MALAYSIA**

NUR HAFIZAH BINTI YUSOFF

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**SALAH LAKU DALAM KALANGAN PENYOKONG BOLA
SEPAK DI MALAYSIA**

oleh

NUR HAFIZAH BINTI YUSOFF

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2017

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan segala rahmat, kasih sayang dan pertolongan daripada Allah SWT, tesis ini berjaya disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Terlalu banyak individu yang saya hendak ucapkan penghargaan dan terima kasih, tetapi saya mulakan dengan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama iaitu Prof Madya. Dr. Sundramoorthy A/L Patmanathan diatas segala tunjuk ajar yang diberikan. Tanpa bantuan, sokongan dan galakkan daripada beliau nescaya perjalanan untuk menyiapkan tesis ini menjadi sangat sukar. Rakaman terima kasih juga buat penyelia kedua saya, Dr. Premalatha A/P Karupiah atas segala bantuan dan sokongan yang beliau berikan. Terima kasih juga untuk semua pensyarah Antropologi dan Sosiologi, USM yang membantu dalam penyediaan tesis ini samada secara langsung atau tidak. Tidak dilupakan juga buat penaja biasiswa saya iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan juga kepada majikan saya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana memberi peluang dan kepercayaan untuk saya meneruskan pengajian sehingga ke tahap ini.

Tesis ini sangat sukar disiapkan jika tiadanya bantuan daripada para responden dan informan kajian yang sudi meluangkan masa mereka untuk membolehkan proses pengutipan data dan maklumat dilakukan. Justeru itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat kesemua responden kajian ini yang terdiri daripada penyokong bolasepak pasukan Kelantan, Perak, Johor dan Selangor yang sudi

meluangkan masa menjawab soal selidik yang diberikan. Begitu juga buat para informan kajian ini yang sudi ditemubual oleh saya iaitu Pengerusi Kelab Penyokong dan penyokong Bolasepak Kelantan, Johor, Perak dan Selangor serta pegawai daripada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Perjalanan sebagai seorang pelajar Doktor Falsafah sememangnya penuh ranjau dan duri. Jika tiadanya sokongan sosial daripada orang-orang yang rapat seperti keluarga dan sahabat handai, nescaya tesis ini tidak akan dapat disiapkan. Terima kasih dan penghargaan buat suami tercinta Mohd Khairol Syamri yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan untuk saya menyiapkan tesis ini. Juga terima kasih untuk beliau yang turut berkorban masa dan tenaga membantu saya sepanjang proses penulisan tesis ini. Juga buat semua ahli keluarga lain yang turut sama mendoakan dan membantu secara langsung dan tidak langsung dalam perjalanan saya sebagai seorang pelajar Doktor Falsafah. Buat anakanda tercinta Irmays Rusyaidi juga diucapkan terima kasih kerana memahami kesibukan saya kerana terpaksa membahagikan masa antara pelajaran dan keluarga. Hasil pengajian ini ditujukan istimewa buat anak tercinta Irdina Nur Azra yang lahir sewaktu proses menyiapkan tesis ini. Semoga segala usaha ini menjadi bukti bahawa sebarang kesusahan dan cabaran pasti akan dapat diatasi selagi adanya usaha, kesungguhan, sabar, doa dan tawakal.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN		ii
ISI KANDUNGAN		iv
SENARAI JADUAL		viii
SENARAI RAJAH		xi
SENARAI FOTO		xii
SENARAI SINGKATAN		xiii
ABSTRAK		xiv
ABSTRACT		xvii
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Soalan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Kesignifikanan Kajian	12
1.6	Kerangka Konseptual	14
1.7	Definisi dan Konsep	
	1.7.1 Devian	17
	1.7.2 Kawalan Sosial	19

	1.7.3 <i>Crowd</i> (penyokong)	21
1.8	Etika Kajian	24
1.9	Rumusan	25
BAB II	SEJARAH DAN LATAR BELAKANG: KEKASARAN, KEGANASAN DAN SALAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PENYOKONG BOLA SEPAK	
2.1	Pengenalan	26
2.2	Peranan Penyokong Kepada Pasukan Dan Pemain	27
2.3	Kategori-kategori Penyokong Bola sepak	30
2.4	Faktor Berlakunya Insiden Keganasan, Kekasaran dan Salahlaku Devian dalam kalangan Penyokong Bola sepak di Barat	37
2.5	Jenis-jenis Salahlaku yang Sering Berlaku di Stadium	50
2.6	Langkah-langkah Pencegahan dan Pengawalan Salah laku Penyokong di Stadium	53
2.7	Senario bolasepak di Malaysia dan Salah laku Penyokong	57
2.8	Teori <i>Crowd</i>	66
2.9	Rumusan	73
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	75
3.2	Kaedah Mengumpul Data	
	3.2.1 Survei	76
	3.2.2 Temubual Tidak Berstruktur	81

3.2.3	<i>Focus Group Discussion (FGD)</i>	83
3.2.4	Pemerhatian Tidak Ikut Serta	85
3.3	Pemilihan Responden	86
3.4	Kaedah Memproses dan Menganalisis Data	96
3.5	Rumusan	98
BAB IV	PENEMUAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	99
4.2	Latar Belakang Responden	101
4.3	Penglibatan Sebagai Penyokong Pasukan Bolasepak	104
4.4	Tingkah laku Semasa Berada di Stadium	107
4.4.1	Tingkah laku verbal	109
4.4.2	Tingkah laku fizikal	112
4.5	Faktor-faktor yang menyebabkan salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak	114
4.6	Sistem Sekuriti di Stadium	118
4.6.1	Jenis-jenis denda dan hukuman yang pernah dikenakan FAM	121
4.7	Rumusan	123
BAB V	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	124
5.2	Faktor-faktor yang menyebabkan salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak	127
5.3	Salah laku verbal	152

5.4	Salah laku fizikal	164
5.5	Kemudahan sistem sekuriti di dalam stadium	179
5.6	Jenis- jenis denda dan hukuman yang pernah dikenakan oleh FAM	199
5.7	Langkah-langkah alternatif kawalan sosial yang boleh dilakukan untuk menagani salah laku devian dalam kalangan penyokong bola sepak	203
5.8	Rumusan	208
BAB VI	KESIMPULAN	210
6.1	Pendahuluan	210
6.2	Rumusan objektif kajian	215
6.3	Limitasi kajian	230
6.4	Cadangan di masa hadapan	232

RUJUKAN

LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Soalan temubual bersama Pengerusi Kelab Penyokong Kelantan
- C Soalan temubual bersama Pengerusi Kelab Penyokong Perak
- D Soalan temubual bersama Pengerusi Kelab Penyokong JDT
- E Soalan temubual bersama Pengerusi Kelab Penyokong Selangor
- F *Guidelines Focus Group Discussion*
- G Senarai penerbitan

SENARAI JADUAL

	Halaman
2.1 Perjalanan Liga di Malaysia	59
3.1 Jadual populasi dan saiz sampel	90
3.2 Senarai pasukan dalam Liga Super Malaysia	91
4.1 Jantina responden mengikut pasukan	101
4.2 Umur responden	102
4.3 Pekerjaan responden	103
4.4 Ke kerapannya menyaksikan perlawanan di stadium	104
4.5 Dengan siapa responden ke stadium	105
4.6 Gender dan lokasi menyaksikan perlawanan	106
4.7 Suasana di dalam stadium	107
4.8 Tingkah laku verbal di stadium	111
4.9 Tingkah laku fizikal di stadium	113
4.10 Faktor penyebab berlakunya salah laku di stadium	115
4.11 Sistem sekuriti sedia ada di stadium	119
4.12 Denda dan hukuman yang dikenakan terhadap penyokong yang ganas adalah mencukupi dan berkesan	122
5.1 Nilai bagi cramer's v mengikut <i>df</i>	125
5.2 Cara menginterpretasi analisis korelasi	125
5.3 Hubungan antara gender dan kekecewaan kekalahan pasukan	128

5.4	Hubungan antara gender dan kecewa dengan keputusan pegawai perlawanan	128
5.5	Hubungan antara gender dan meraikan gol/kemenangan pasukan	129
5.6	Hubungan antara gender dan berasa rugi dengan wang yang dilabur (pasukan tidak menang)	129
5.7	Hubungan antara gender dan irihati dengan kejayaan pasukan lawan	130
5.8	Hubungan antara gender dan tidak berpuashati dengan sistem sekuriti di stadium	131
5.9	Hubungan antara gender dan tidak berpuashati dengan sistem pengurusan bola sepak negeri	131
5.10	Hubungan antara gender dan tidak berpuashati dengan sistem pengurusan bola sepak negara (FAM)	132
5.11	Hubungan antara gender dan terpengaruh dengan kelakuan penyokong lain	132
5.12	Hubungan antara gender dan kawalan keselamatan yang longgar	133
5.13	Hubungan antara gender dan provokasi penyokong lawan	133
5.14	Hubungan antara gender dan provokasi di media sosial	134
5.15	Hubungan antara gender dan ingin menarik perhatian	134
5.16	Hubungan antara gender dan berdendam dengan penyokong lawan	135
5.17	Hubungan antara gender dan melepaskan tekanan diri	135
5.18	Hubungan antara gender dan menunjukkan keberanian	136
5.19	Hubungan antara gender dan pengaruh alkohol	136
5.20	Gender dan salah laku verbal (berbual/bercakap)	154
5.21	Gender dan salah laku verbal (menjerit)	155

5.22	Gender dan salah laku verbal (melaungkan slogan pasukan)	155
5.23	Gender dan salah laku verbal (menyanyi lagu negeri/pasukan)	156
5.24	Gender dan salah laku verbal (mengutuk pemain/pasukan lawan)	157
5.25	Gender dan salah laku verbal (menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pegawai perlawanan)	157
5.26	Gender dan salah laku fizikal (membuang sampah dalam stadium)	165
5.27	Gender dan salah laku fizikal (merosakkan harta benda stadium)	165
5.28	Gender dan salah laku fizikal (membaling objek ke padang)	166
5.29	Gender dan salah laku fizikal (membaling mercun)	167
5.30	Gender dan salah laku fizikal (menggunakan suar)	167
5.31	Gender dan salah laku fizikal (Bergaduh antara penyokong)	168
5.32	Gender dan salah laku fizikal (Menggunakan isyarat lucah)	168
5.33	Tahap pendidikan dengan sistem sekuriti di stadium (pengurusan menyediakan sistem sekuriti yang cekap dan efisien)	181
5.34	Tahap pendidikan dengan sistem sekuriti di stadium (sistem sekuriti di setiap pintu masuk dikawal dengan ketat)	182
5.35	Tahap pendidikan dengan sistem sekuriti di stadium (setiap penyokong diperiksa terlebih dahulu sebelum memasuki stadium)	183
5.36	Tahap pendidikan dengan sistem sekuriti di stadium (jumlah anggota keselamatan yang mencukupi)	184
5.37	Tahap pendidikan dengan sistem sekuriti di stadium (penyokong yang agresif/ganas dapat ditangkap)	185
5.38	Tahap pendidikan dengan sistem sekuriti di stadium (kemudahan CCTV di dalam stadium)	186
5.39	Pendapat responden mengenai ciri-ciri yang patut ada dalam diri setiap penyokong bolasepak	195

SENARAI RAJAH

	Halaman
1.6 Kerangka konseptual kajian	14
2.1 Hubungan antara pasukan/pemain dan penyokong	28
2.2 Keganasan, kedinamikan penyokong dan faktor persekitaran Sosial	47

SENARAI FOTO

	Halaman
2.1 Antara bentuk salah laku yang dilakukan oleh para penyokong bolasepak di Malaysia	66
3.1 Stadium Shah Alam	92
3.2 Stadium Ipoh, Perak	93
3.3 Stadium Sultan Mohammed IV, Kelantan	94
3.4 Stadium Tan Sri Dato' Hj. Hassan Yunus, Johor	96
5.1 Sampah yang dibuang/ditinggalkan oleh penyokong di kawasan tempat duduk penonton di dalam stadium	171
5.2 Objek yang dibaling ke kawasan 'trek' stadium, kelihatan juga kerusi stadium yang dicabut dan dibuang ke kawasan trek	172
5.3 Bas yang membawa pemain JDT dibaling dengan batu dan dipecahkan cerminnya oleh penyokong Perak di Stadium Ipoh, Perak	173
5.4 Suar dibakar oleh responden semasa perlawanan sedang berlangsung	175
5.5 Suar yang dibaling oleh penyokong JDT ke arah bas penyokong Perak di luar stadium	176
5.6 Pergaduhan antara penyokong Selangor dan Kelantan	178
5.7 Bas JDT yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan	209

SENARAI SINGKATAN

AFC	<i>Asian Football Confederation</i>
CCTV	Kamera Litar Tertutup
EPL	<i>English Professional League</i>
UEFA	<i>Union of European Football Associations</i>
ESIM	<i>The Elaborated Social Identity Model</i>
FAM	Persatuan Bolasepak Malaysia
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
FIFA	<i>Federation International Football Association</i>
FRU	Unit Simpanan Khas
JDT	Johor Darul Ta'zim
JPAM	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
RELA	Ikatan Relawan Rakyat
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SIM	<i>Social Identity Model</i>
SSPS	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
USM	Universiti Sains Malaysia

SALAH LAKU DALAM KALANGAN PENYOKONG BOLA SEPAK DI MALAYSIA

ABSTRAK

Peranan penyokong dalam sesuatu sukan adalah besar, penyokong bertanggungjawab dalam memastikan pasukan dapat mencapai kejayaan atau kegagalan. Bagi sukan bola sepak, jumlah penyokong yang datang ke stadium adalah sangat ramai, sukar untuk anggota keselamatan khususnya memantau dan mengawal kelakuan kesemua penyokong yang ada. Terdapat kecenderungan untuk para penyokong bolasepak melanggar peraturan dan berkelakuan devian semasa berada di stadium. Walaupun banyak kajian di barat telah dilakukan berkaitan keganasan dan salahlaku membabitkan penyokong bolasepak tetapi kajian-kajian tersebut tidak dapat diaplikasikan seratus peratus dalam konteks Malaysia yang berbeza sempadan geografi, adat, nilai dan budaya. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi meneliti faktor-faktor yang menjadi punca mengapa penyokong bolasepak di negara ini melanggar peraturan semasa menyaksikan perlawanan bolasepak. Objektif kajian ini adalah; (i) Menghuraikan faktor-faktor yang mendorong berlakunya salahlaku dalam kalangan penyokong bola sepak, (ii) Meneliti jenis salah laku yang sering dilakukan oleh penyokong semasa berada di stadium dan (iii) Meneliti bentuk kawalan sosial sedia ada dalam membantu mengawal salah laku penyokong bolasepak di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai kaedah utama mendapatkan data. Survei menggunakan borang soal selidik dilakukan ke atas 600 orang responden kajian yang terdiri daripada penyokong

bolasepak pasukan Kelantan, Johor, Perak dan Selangor. Temubual tidak berstruktur dan FGD bersama beberapa informan turut dilakukan bagi mengumpul lebih banyak maklumat berkaitan aspek salah laku penyokong dan langkah-langkah mengatasinya. Pemerhatian tidak ikut serta juga dilakukan bagi menampung kekurangan yang terdapat dalam kaedah survei dan temubual tidak berstruktur. Dapatan kajian yang utama adalah responden menyatakan bahawa kejadian salah laku membabitkan penyokong bola sepak disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah kekecewaan terhadap kekalahan pasukan $\chi^2 (1) = .592$, $p = .442$, *Cramer's V* adalah sederhana .031. Kekecewaan terhadap keputusan pegawai perlawanan turut menjadi penyebab kepada salah laku responden $\chi^2 (1) = .547$, $p = .460$, dengan *Cramer's V* adalah sederhana 0.30. Para responden turut menjelaskan keterujaan meraikan gol atau kemenangan menjadi antara punca utama kepada salah laku penyokong bolasepak $\chi^2 (1) = .334$, $p = .563$ dengan *Cramer's V* adalah 0.24. Kesalahan yang sering dilakukan di stadium terbahagi kepada dua iaitu kesalahan secara *verbal* dan fizikal. Dari segi salah laku verbal, antara salah laku yang sering dilakukan oleh responden adalah bercakap dengan penyokong yang lain $\chi^2 (1) = 1.499$, $p = .240$. Manakala *Cramer's V* adalah hampir kepada *large effect* (.048), melaungkan slogan pasukan $\chi^2 (1) = 1.929$, $p = .269$ (*Cramer's V* pula adalah sebanyak .045), dan menjerit $\chi^2 (1) = 3.606$, $p = .146$, dan *cramer's v* adalah tinggi dengan nilai sebanyak .059. Manakala bagi kesalahan yang melibatkan fizikal terdiri daripada jenis kesalahan membuang sampah di dalam stadium $\chi^2 (1) = 15.435$, $p = .000$ dan *Cramer's V* pula adalah .146 dan menunjukkan isyarat lucah menjadi insiden yang paling kerap dilakukan $\chi^2 (1) = 11.062$, $p = .001$, manakala hasil *Cramer's V* adalah .136 dan tidak ketinggalan juga terdapat responden yang terlibat dalam insiden membaling objek ke

kawasan padang. Para penyokong seharusnya memiliki semangat kesukanan yang tinggi bagi mengelakkan mereka daripada mudah terpengaruh dengan emosi atau kelakuan negatif penyokong lain. Selain itu, kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan perlu diperkuhkuhkan bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien bagi mengekang masalah yang sama daripada terus berulang.

MISBEHAVIOR AMONG FOOTBALL FANS IN MALAYSIA

ABSTRACT

The role of fans in sports is huge, their roles also responsible for bringing glory or failure to the team. In football, the numbers of fans turn up at the stadium is vast and it will bring difficulties to the security officers in term of observing and controlling fan's behaviors. There are chances when fans will act as a deviant while watching football at the stadium. Much research has been carried out and mostly in a western country about violence and fans disorder at the stadium but not all of the data can be use to explain in Malaysian context because of geographical, customs, values and culture differences. Therefore, this research is carrying out to find why football fans choose to break the rules while watching football live at the stadium. Objectives of this research are; (i) to explain what are the factors contribute to misbehavior among football fans, (ii) to identify the types of misbehavior usually happen by the fans at the stadium and (iii) to look up the existence of security control to help to control and prevent of fans misbehavior. This research uses a quantitative as the main method to obtain the data. A survey using questionnaire was done to 600 respondents which are a fan of Kelantan, Johor, Perak and Selangor football clubs. An unstructured interview and FGD also has been done within several informants to obtain further information about misbehavior and the way to prevent it. Non-participation observation also has been done to added more information beside of survey and unstructured interview. The main output is 97% of respondents said that the misbehavior among football fans happened because of their

team did not win the match $\chi^2 (1) = .592$, $p = .442$, Cramer's V is .031. Not satisfied with the referee decision also been a factor of misbehavior among respondents $\chi^2 (1) = .547$, $p = .460$, while Cramer's V is 0.30. The respondents also mentioned about the excitement of celebrating the goals or the victory of the team also being the main factor leading to misbehavior among football fans $\chi^2 (1) = .334$, $p = .563$ and Cramer's V is 0.24. Misbehavior can be either verbal and physical. In term of verbal misbehavior were talking within other fans $\chi^2 (1) = 1.499$, $p = .240$ while Cramer's V is near to large effect (.048), shouting of team slogan $\chi^2 (1) = 1.929$, $p = .269$, Cramer's V is .045 and yelling $\chi^2 (1) = 3.606$, $p = .146$, and Cramer's V is high with value .059. While, physical misbehavior including disposing of trash in the stadium $\chi^2 (1) = 15.435$, $p = .000$ and Cramer's V is .146, and showing obscene gestures being the most behavior happen $\chi^2 (1) = 11.062$, $p = .001$, while Cramer's V is .136 and there are some of the respondents involved throwing objects into the middle of the field. The fan should have a spirit of sportsmanship and be a professional in the stadium. It is crucial so that they can avoid from being emotional or easy to follow other fans negative attitudes. Besides that, the cooperation of various stakeholders should be strengthened to make sure all the prevention and control measures can be more efficient to constraining the same problem from recurring.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

¹“With so many people involved, there will always be people who break the rules, that is something you cannot prevent” (Fifa President Joseph Sepp Blatte).

²“Violence in football is treated differently than it is in society and you need to arrest those who take part in this type of violence and that doesn't happen” (Leonardo Bertozzi, a ESPN commentator).

Apabila membicarakan soal sukan, adalah sukar untuk tidak mengaitkan bola sepak dalam perbincangan tersebut. Bola sepak menjadi sukan paling popular di dunia bukan sahaja kerana ianya ditonton oleh berbillion orang merentasi dunia pada satu-satu masa, tetapi ianya juga dianggap sebagai salah satu sukan yang mempunyai bilangan pengikut atau penyokong yang cukup ramai (Otto, 1999). Huang (2011) menambah, peranan yang dimainkan oleh para penyokong sangat penting. Para pemain menurutnya, dimotivasikan

¹ Presiden Persatuan Bolasepak Dunia (FIFA), menyatakan bahawa dengan jumlah mereka yang terbabit dalam sukan bolasepak, semestinya akan ada segelintir yang akan cuba untuk memilih tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan adalah amat sukar untuk menghalang daripada perkara sebegini daripada berlaku.

² Pengulas ESPN Brazil pula menegaskan sesiapa yang terbabit dalam aktiviti ganas haruslah ditangkap bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

oleh sokongan yang diberikan oleh para penyokong. Prestasi pemain dan pasukan secara tidak langsung menerima tempias daripada sokongan peminat-peminat mereka.

Oleh kerana jumlah penyokong yang datang menyaksikan sesuatu perlawanan bolasepak adalah sangat ramai. Maka, adalah sukar untuk memastikan kesemua para penyokong ini bertingkah laku secara berhemah dan profesional. Hal ini kerana, tidak semua para penyokong yang datang menyaksikan sesuatu perlawanan itu mempunyai niat untuk menikmati perlawanan dan mengisi masa lapang mereka (Kelly, 1996). Sebaliknya, terdapat juga sekumpulan para penyokong yang datang untuk menyaksikan perlawanan dengan niat dan tujuan yang berbeza. Mereka ini dikenali sebagai ³*football hooliganism* (Spaaij, 2006; Dunning, 2000). Isu berkaitan dengan *football hooliganism* bukanlah merupakan isu baru terutamanya di barat. Sejak abad ke 16 lagi fenomena ini telah direkodkan dan media massa juga giat melaporkan berkaitan dengan isu tersebut, sehingga tercetusnya 'moral panic' dalam kalangan anggota masyarakat (Cohen, 1973). Otto (1999) menambah, lazimnya mereka yang terlibat dalam *hooliganism* ini terdiri daripada generasi muda berumur lingkungan 15-25 tahun dan menyasarkan serangan dan provokasi terhadap kumpulan penyokong pasukan lawan. Pergaduhan melibatkan kumpulan ini bukan sahaja terhad di dalam stadium, tetapi dengan adanya teknologi moden seperti internet dan sistem pesanan ringkas (sms), mereka mempunyai pilihan

³ Sekumpulan penyokong bolasepak yang datang menyaksikan perlawanan dengan mempunyai niat untuk menimbulkan kekacauan baik di dalam atau di luar kawasan stadium. Mereka gemar untuk bertingkah laku menggunakan kekerasan, keganasan serta boleh mengancam keselamatan dan harta awam.

untuk mengatur kawasan untuk bergaduh bagi mengelak daripada ditangkap oleh pihak berkuasa (Marsh, Fox, Carnibella, Mcann & Marsh, 1996).

Antara kes yang paling diingati melibatkan pergaduhan penyokong bola sepak terutamanya di England adalah pada tahun 1985. Apabila penyokong pasukan Liverpool dan Juventus bergaduh dalam stadium sehingga mengakibatkan seramai 39 orang penyokong Juventus meninggal dunia dan pada masa yang sama hampir separuh daripada stadium mengalami kerosakan (Dunning, 2000). Insiden terbabit telah mencemarkan imej England dalam sukan bola sepak dan ada sesetengah media melabelkan bahawa *football hooliganism* di England pada waktu itu sebagai 'English Disease' (Dunning, 2000; Otto, 1999). Kejadian yang hampir sama juga berlaku pada tahun 1989 membabitkan pergaduhan antara penyokong Liverpool dan Nottingham Forest yang menyaksikan 96 orang meninggal dunia dalam pergaduhan tersebut (Dunning, 2000).

Insiden pergaduhan sehingga menyebabkan kematian dan kecederaan menular sehingga hampir ke serata dunia. Pada tahun 2012, seramai 76 orang penyokong kelab bolasepak Al-Masry dan Al-Ahly di Mesir meninggal dunia akibat pergaduhan. Dilaporkan kejadian tersebut merupakan kejadian paling dahsyat bagi sukan bola sepak negara berkenaan. Antara senjata yang digunakan semasa berlakunya pergaduhan adalah peralatan tajam seperti pisau (Leyne, 2012). Di Malawi pula, pada tahun 2013 direkodkan pertembungan antara penyokong pasukan *Mighty Wanderers* dan *Silver*

Strikers di Stadium Balaka. Akibat daripada pergaduhan terbabit seorang penyokong meninggal dunia dan 20 orang yang lain mengalami kecederaan serius (Kandu, 2013).

Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima tempias membabitkan keganasan para penyokong bola sepak. Laporan demi laporan yang dilaporkan oleh media massa menjadikan isu berkaitan dengan salah laku para penyokong antara agenda utama apabila membicarakan mengenai sukan bola sepak di negara ini. Bermula daripada insiden memaki hamun, membaling objek ke tengah padang, membakar mercun dan suar sehingga melakukan rusuhan. Antara rusuhan penyokong pernah berlaku adalah di Stadium Kelantan pada tahun 2010 yang menyaksikan para penyokong Kelantan bukan sahaja merosakkan harta benda stadium malah membakar kenderaan awam serta bergaduh dengan anggota polis.

Kes yang sama juga berlaku pada tahun 2015 apabila pasukan Sarawak melakukan rusuhan di Stadium Sarawak dengan merosakkan harta benda stadium dan bergaduh dengan anggota keselamatan sehingga insiden tersebut terpaksa dihuraikan dengan tembakan gas pemedih mata. Selain itu, insiden rusuhan membabitkan penyokong pasukan Harimau Malaya yang dikenali sebagai 'Ultras Malaya' pada September 2015 membabitkan pasukan Kebangsaan dan skuad Arab Saudi untuk pertandingan kelayakan Piala Dunia. Insiden rusuhan bermula dengan penyokong Ultras Malaya membalikkan mercun, membakar suar dan membaling suar ke tengah padang. Selain itu juga, kerusi stadium dicabut dan dilempar ke kawasan padang.

Rasa marah dan kecewa dengan pentadbiran Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dikatakan sebagai faktor utama mengapa penyokong ini melakukan rusuhan sedemikian. Faktor kekalahan besar pasukan kebangsaan terhadap Arab Saudi (10-0) pada perlawanan terdahulu turut menjadi antara punca lain yang menyebabkan para penyokong memmanifestasikan kekecewaan mereka di stadium dengan melakukan rusuhan dan berkelakuan devian. Akibatnya, perlawanan tersebut terpaksa dihentikan dan pasukan bolasepak kebangsaan dikenakan hukuman oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) sebanyak RM180,000 serta diberi amaran keras agar memastikan perkara yang sama tidak berulang. Selain dari itu, pasukan bola sepak kebangsaan juga diarahkan bermain di stadium kosong bagi perlawanan seterusnya bagi mengelakkan insiden yang serupa berulang. Seramai 11 orang penyokong yang terlibat dalam kejadian rusuhan berjaya ditangkap serta dihadapkan ke mahkamah dan selebihnya masih diburu oleh pihak polis.

Untuk musim 2016 (sehingga Jun 2016), FAM telah menghukum pasukan bola sepak Terengganu, Perak dan Sarawak, Kuala Lumpur, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan akibat daripada salahlaku para penyokong masing-masing yang keterlaluan. Hasil denda yang dikenakan ke atas pasukan berkenaan, FAM berjaya mengumpul sebanyak RM400, 000 (www.fam.org.my). Antara kesalahan yang dilakukan oleh para penyokong pasukan terbabit adalah, menyalakan suar, membaling objek dan merosakkan kenderaan penyokong lawan. FAM telah melakukan mesyuarat jawatankuasa disiplin dan

menjatuhkan hukuman denda RM25,000 pada setiap pasukan dan mengarahkan pasukan Sarawak dan Terengganu bermain dalam stadium kosong tanpa kehadiran penyokong untuk dua perlawanan akan datang (www.fam.org.my).

Jika sebelum ini banyak kajian mendapati bahawa salahlaku dalam kalangan penyokong lebih terserlah dalam perlawanan yang berisiko tinggi (high risk matches). Namun kini, pasukan-pasukan yang tidak terkenal dan memiliki jumlah penyokong yang tidak begitu ramai turut terlibat dalam kejadian salah laku dalam kalangan para penyokong. Kejadian pergaduhan membabitkan para penyokong pasukan Negeri Sembilan dan Melaka United pada februari lalu mencerminkan bahawa setiap perlawanan sebenarnya perlu dikawal dengan baik kerana setiap perlawanan mempunyai risiko untuk berlakunya kejadian salah laku penyokong. Pendapat atau pemikiran hanya perlawanan tertentu sahaja yang perlu dikawal ketat kerana risiko penyokong melanggar peraturan perlu diubah. Hal ini kerana, terdapat pelbagai faktor sekitaran yang ada di dalam stadium mampu mendorong para penyokong untuk melanggar norma dan peraturan. Oleh yang demikian, pihak bertanggungjawab perlu mengambil langkah berjaga-jaga dalam setiap perlawanan.

Insiden-insiden ini hanya sebilangan kes sahaja membabitkan kejadian salah laku dalam kalangan penyokong bolasepak di negara ini. Hakikatnya masih banyak kes-kes lain yang berlaku membabitkan penyokong bola sepak di Malaysia dan kejadian salah laku dan devian ini masih berterusan berlaku walau acapkali isu ini dibincangkan di

peringkat tertinggi dan langkah-langkah keselamatan telah dilakukan seperti menambah bilangan anggota keselamatan, melakukan pemeriksaan berperingkat di pintu masuk stadium bagi memastikan setiap perlawanan bola sepak di negara ini selamat untuk ditonton oleh semua masyarakat. Namun demikian, masih terdapat juga para penyokong yang seakan tidak takut dan terus menerus berusaha untuk mewujudkan suasana kecoh dan tidak selamat di stadium.

1.2 Permasalahan kajian

Ikatan yang terbina antara penyokong dengan pasukan yang disokong bukanlah satu ikatan yang longgar sifatnya. Hal ini diakui sendiri oleh pihak pengurusan sesebuah pasukan bola sepak, dengan menyifatkan bahawa bola sepak tiada maknanya tanpa penyokong. Peranan yang dimainkan oleh para penyokong sangat besar. Penyokong dapat memotivasikan pemain, dan dalam era bola sepak moden, para penyokong secara tidak langsung menyumbang kepada dana pembangunan sesebuah pasukan, yakni melalui hasil pembelian tiket perlawanan dan pembelian barangan cenderamata. Apabila penyokong merasakan bahawa mereka menyumbang kepada pembangunan mahupun kejatuhan pasukan yang disukai, maka terdapat segelintir penyokong yang tidak dapat menerima seandainya pasukan yang diminati menghadapi kekalahan mahupun dicemuh oleh penyokong pasukan lawan.

Apabila membincangkan mengenai penyokong, sememangnya tidak dapat lari daripada memperkatakan tentang terma penyokong itu sendiri. Penyokong (crowd),

terdiri daripada sekumpulan individu yang berkumpul di satu tempat/situasi yang sama (Pilz, 1996). Penyokong juga berkongsi minat, fahaman dan identiti yang sama (Thornton, 2003). Dalam konteks kajian ini, penyokong adalah terdiri daripada sekumpulan individu yang hadir menyaksikan perlawanan bolasepak secara langsung di stadium, berkongsi minat, fahaman, kepentingan dan identiti yang sama terhadap pasukan yang diminati. Apabila sejumlah penyokong berkumpul di tempat yang sama, terdapat kemungkinan untuk sesetengah daripada penyokong itu tidak bertingkah laku sepertimana yang telah ditetapkan.

Selain itu, jumlah penyokong bola sepak yang ramai pada satu-satu perlawanan menyebabkan sukar untuk anggota keselamatan memantau dan mengawal tingkah laku mereka. Kajian-kajian terdahulu yang lebih tertumpu ke arah dunia barat mendapati bahawa bola sepak sememangnya tidak dapat lari dari elemen riuh dan bising di stadium. Para penyokong memiliki pelbagai cara untuk menunjukkan sokongan terhadap pasukan masing-masing (Spaij 2006) sehinggakan mereka sanggup melanggar peraturan sedia ada.

Banyak faktor ditemui sebagai penyebab mengapa para penyokong bertindak ganas dan melanggar peraturan (devian) semasa menyaksikan perlawanan bolasepak. Antaranya ialah, ingin menunjukkan maskuliniti, tidak boleh menerima kekalahan, pengaruh alkohol, ingin menarik perhatian (Spaij, 2006, Kleomanis, 2004 & Dunning, 2000). Tetapi, menurut pengkaji terbabit, faktor yang menyumbang kepada perlakuan

negatif dan ganas penyokong bolasepak adalah tidak sama bagi semua tempat atau negara. Ini disebabkan oleh perbezaan faktor geografi, adat, nilai, budaya bahkan pengurusan liga itu sendiri yang sedikit sebanyak mempengaruhi dan membawa perbezaan kepada sebab-sebab penyokong bertindak ganas dan melanggar peraturan semasa berada di stadium.

Isu berkenaan salah laku penyokong bola sepak tidak hanya menjadi masalah kepada dunia barat, Malaysia juga tidak terkecuali mempunyai masalah yang hampir sama membabitkan para penyokong bola sepaknya. Satu demi satu kesalahan para penyokong dilaporkan di media massa baik dari segi kesalahan menyalakan suar, membaling objek serta ke isu pergaduhan dan rusuhan. Manakala, denda dan hukuman silih berganti dikenakan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) terhadap pasukan yang bersalah, namun isu ini seperti tiada kesudahannya. Untuk tahun 2014, hampir RM800 000 berjaya dikumpulkan oleh FAM hasil daripada denda yang dikenakan. Manakala untuk musim 2015, FAM telah mengumpul sebanyak RM900 000 . Jika para penyokong masih mahu terus menerus melanggar peraturan, maka FAM bakal mengutip lebih banyak wang hasil denda pada musim ini. Situasi ini tidak baik untuk pengurusan dan pembangunan pasukan bola sepak negeri kerana wang yang diperoleh hasil daripada penjualan tiket tidak dapat digunakan untuk program pembangunan pasukan sebaliknya terpaksa membayar denda yang dikenakan oleh FAM.

Seiring dengan peningkatan kes membabitkan salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak di negara ini, pihak FAM telah melakukan pelbagai langkah pemantauan dan pencegahan bagi memastikan kejadian yang sama tidak berulang. Mendenda pasukan negeri dengan puluhan bahkan ratusan ribu ringgit, mengarahkan pasukan bermain tanpa kehadiran penyokong dan menambah bilangan anggota keselamatan di dalam stadium. Walaubagaimanapun, masih terdapat segelintir para penyokong yang terus melanggar norma dan peraturan yang telah ditetapkan (devian⁴). Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada salah laku atau tingkahlaku devian dalam kalangan penyokong bola sepak di Malaysia.

Walaupun kes membabitkan salah laku penyokong di Malaysia kerap berlaku, namun masih tiada satu kajian bersifat akademik dilakukan bagi menghuraikan mengapa fenomena ini berlaku. Dapatan daripada pelbagai kajian lepas tidak boleh sepenuhnya digunakan bagi menjelaskan isu salahlaku penyokong di Malaysia kerana perbezaan faktor geografi, adat, budaya mahupun nilai dan norma yang dimiliki. Hal ini kerana, bolasepak di Malaysia yang rata-ratanya diwakili oleh pasukan bolasepak negeri dan ini secara tidak langsung menyebabkan penyokong di Malaysia lebih terarah kepada 'state based identity'. Selain itu, antara fakto utama yang menyumbang kepada salahlaku penyokong di Eropah misalnya dikaitkan dengan pengaruh alkohol. Namun demikian, dalam konteks di Malaysia, majoriti penyokong adalah beragama Islam dan alkohol

⁴ Perbuatan yang melanggar norma dan peraturan yang telah ditetapkan samada oleh anggota masyarakat atau undang-undang

sama sekali dilarang di dalam stadium, maka faktor alkohol tidak boleh dijadikan satu faktor utama yang menyumbang kepada kejadian salah laku penyokong bola sepak di negara ini.

Oleh yang demikian, satu kajian dalam konteks Malaysia sendiri perlu dilakukan bagi mengetahui apakah faktor-faktor yang menyebabkan penyokong melanggar peraturan dan norma yang telah ditetapkan semasa berada di dalam stadium. Kajian ini bersifat *exploratory design* dan seramai 600 orang responden yang terdiri daripada kalangan para penyokong pasukan bolasepak yang pernah dikenakan denda hukuman oleh FAM (Kelantan, Perak, Selangor, Johor) dijadikan responden kajian. Manakala, bagi mendapatkan maklumat tambahan, *Focus Group Discussion* (FGD) turut dijalankan melibatkan penyokong bola sepak keempat-empat pasukan terbabit, tembual tidak berstruktur dijalankan terhadap presiden kelab penyokong bola sepak yang terbabit, pegawai FAM dan pegawai daripada persatuan bola sepak di negara ini.

1.3 Soalan kajian

Kajian ini mengutarakan beberapa soalan kajian seperti:

- i) Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak di Malaysia?
- ii) Apakah jenis salah laku yang sering dilakukan oleh penyokong bola sepak semasa berada di stadium?

- iii) Bagaimanakah kewujudan kawalan sosial sedia ada berkesan membantu mengawal salah laku para penyokong?

1.4 Objektif kajian

Kajian ini bertujuan:

- i) Menghuraikan faktor-faktor yang mendorong berlakunya salah laku dalam kalangan penyokong bolasepak.
- ii) Meneliti jenis salah laku yang sering dilakukan oleh penyokong semasa berada di stadium.
- iii) Meneliti bentuk kawalan sosial sedia ada dalam membantu mengawal salah laku penyokong bola sepak.


1.5 Kesignifikan kajian

Kajian berkaitan topik devian dan kawalan sosial telah banyak dilakukan di negara ini, tetapi ianya lebih banyak dilakukan dalam konteks delikueni, pelajar sekolah, hamil luar nikah dan sebagainya. Tetapi kajian devian dan kawalan sosial dalam bidang sukan masih kurang dijalankan di negara ini. Jikapun ada ianya lebih berkisar tentang jenayah rasuah membabitkan pengadil sukan, dan kajian yang menjadikan penyokong sebagai unit analisis masih belum dipelopori. Justeru itu kajian ini dilakukan bagi menambahkan serta mengembangkan lagi kajian berkaitan devian tetapi menggunakan penyokong bolasepak sebagai unit analisis.

Selain itu, kajian ini juga tidak hanya menggunakan teori berasaskan bidang sosiologi semata-mata. Oleh kerana kajian membabitkan tingkah laku penyokong dan memfokuskan kepada punca-punca yang menyebabkan mereka berkelakuan devian, maka teori berkaitan sosiopsikologi lebih sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Ini kerana para penyokong terdorong untuk terlibat dalam salah laku samada melalui faktor sosial dan juga faktor psikologi.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi perintis kepada lebih banyak kajian dilakukan di masa hadapan membabitkan penyokong bola sepak di negara ini. Selain itu, kajian ini juga memberikan manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan dalam sukan bola sepak khususnya pihak FAM, Persatuan Bolasepak Negeri bahkan penyokong sendiri terutama dari aspek mekanisme dalam menangani dan mengawal salah laku devian membabitkan penyokong bola sepak di negara ini.

1.6 Kerangka konseptual



Kerangka konseptual menunjukkan bahawa sukan bola sepak itu mempunyai pelbagai elemen di dalamnya. Antaranya, pihak pengurusan dan kejurulatihan, pemain dan seterusnya adalah penyokong. Dalam kajian ini, penyokong merupakan unit analisis dan diskopkan kajian ini kepada penyokong yang hanya menonton perlawanan secara langsung di stadium. Apabila penyokong menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium, terdapat dua kemungkinan yang boleh berlaku. Pertama, adalah para penyokong ini berkelakuan baik dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kedua, terdapat juga sesetengah penyokong yang melanggar norma dan peraturan yang telah ditetapkan dan akhirnya menyebabkan berlakunya tingkahlaku devian.

Tingkahlaku devian boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor tetapi faktor situasi (situational factors) semasa berada di dalam stadium menjadi antara penyebab utama kepada kejadian salah laku devian. Misalnya, provokasi yang sering dilakukan antara penyokong, jumlah penyokong yang terlalu ramai serta kedudukan penyokong yang dekat antara satu sama lain menjadi antara punca kepada salah laku para penyokong. Selain itu, faktor sejarah antara penyokong, kepentingan pasukan bola sepak kepada penyokong, terikut dengan kelakuan penyokong lain serta kawalan keselamatan yang longgar turut menjadi penyebab kepada para penyokong melanggar norma dan peraturan yang telah ditetapkan.

Jenis-jenis tingkahlaku devian yang lazimnya berlaku seperti mana banyak yang dibincangkan dalam sorotan karya adalah bersifat fizikal dan verbal. Kaum lelaki gemar untuk bertingkahlaku melibatkan fizikal dan kekuatan berbanding dengan kaum perempuan yang cenderung untuk terlibat secara verbal sahaja. Namun demikian, jika peminat perempuan terlampau ekstrem, kemungkinan untuk mereka terlibat bersama-sama dalam kegiatan fizikal mungkin terjadi.

Sememangnya telah banyak langkah pencegahan yang telah dilakukan terutamanya oleh pihak FAM. Mengenakan terhadap denda pasukan bola sepak negeri dengan denda puluhan hingga ratusan ribu ringgit antara hukuman yang lazim dikenakan. Tidak cukup dengan itu, hukuman beraksi di gelanggang berkecuali dan tanpa kehadiran penonton juga pernah dikenakan. Pihak FAM juga pernah menawarkan hadiah wang ringgit kepada mana-mana penyokong yang membantu memberikan maklumat dan menangkap penyokong yang terlibat dalam kejadian salah laku di stadium. Dari segi aspek anggota keselamatan, pihak FAM telah bekerjasama rapat dengan pihak polis bagi menambah bilangan anggota keselamatan dalam setiap perlawanan terutamanya perlawanan penting dan kontroversi. Namun demikian, dengan pelbagai usaha pengawalan, masih terdapat juga segelintir penyokong yang terus melakukan kesalahan tanpa ada rasa takut dan bersalah.

1.7 Definisi & konsep

Antara konsep yang digunakan dalam kajian ini adalah konsep devian, kawalan sosial dan penyokong (crowd).

1.7.1 Devian

Devian lazimnya dikaitkan dengan tingkah laku (behavior) seseorang individu. Devian juga mempunyai perkaitan secara langsung dengan norma atau peraturan yang diberikan oleh anggota masyarakat. Devian juga merujuk kepada sebarang bentuk percanggahan atau salahlaku daripada norma yang dipersetujui tidak kira samada percanggahan tersebut bersifat kecil atau besar (Scott & Marshall, 2009). “*Deviance is any behavior that violates social norms, and is usually of sufficient severity to warrant disapproval from the majority of society. Deviance can be criminal or non-criminal*” (Coakley, 2009). Menurut definisi di atas, devian boleh jadi sebarang perkara yang bersifat jenayah ataupun tidak. Oleh kerana devian ditentukan oleh norma masyarakat, maka perbuatan devian bagi sesebuah masyarakat tidak semestinya dilihat sebagai devian bagi masyarakat yang lain.

Tambah Coakley, (2009) devian boleh berlaku bergantung kepada masa, tempat dan juga kumpulan. Bagi sesebuah kumpulan penonton perlawanan bola sepak,

perbuatan menyalakan mercun tidak merupakan satu kesalahan bagi mereka. Tetapi, bagi kumpulan masyarakat yang umum perbuatan tersebut dianggap sebagai devian kerana telah melanggar norma masyarakat yang tidak mengamalkan tingkah laku kasar dan negatif ketika menonton perlawanan bola sepak. Atau dengan kata lain, manusia melabelkan sesuatu perkara atau perbuatan sebagai devian bergantung kepada bagaimana cara mereka memberi tindak balas kepada perbuatan tersebut. Tingkah laku devian dianggap menggugat sistem kawalan sosial sedia ada, mengelirukan orang ramai mengenai norma apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan, devian juga boleh memusnahkan kepercayaan dalam anggota masyarakat kerana persetujuan untuk mematuhi norma dan undang-undang tidak dipatuhi membuatkan kepercayaan terhadap orang lain kian menipis (Scott & Marshall, 2009).

Lazimnya, apabila sesuatu norma atau peraturan telah dilanggar maka *sanction* (hukuman/balasan) bakal dikenakan kepada pelakunya. Oleh kerana norma itu mempunyai pelbagai tahap seperti pelanggaran adat dan budaya, melanggar undang-undang bertulis yang memungkinkan tingkahlaku devian itu menjadi jenayah pada akhirnya. Jika seseorang anggota masyarakat melanggar adat dan budaya, *sanction* yang boleh dilakukan adalah seperti memulaukan dan menyindir pelaku tersebut. Seandainya pelanggaran lebih kepada pelanggaran undang-undang seperti melanggar lampu isyarat, maka hukuman dalam bentuk saman akan dikenakan (Kleomanis, 2005).

Tingkahtaku devian boleh berlaku dalam pelbagai masyarakat dan pelbagai situasi. Maka, tidak hairanlah jika dalam konteks sukan juga isu ini kerap kali berlaku. Norma yang dipersetujui oleh masyarakat berkaitan dengan etika menonton sesuatu perlawanan bola sepak adalah tidak melibatkan unsur keganasan, merosakkan harta benda awam mahupun mengganggu ketenteraman awam. Tingkah laku devian dalam kajian ini akan melihat dari segi aspek pelanggaran peraturan yang dikeluarkan oleh pihak FAM membabitkan tingkah laku para penyokong. Oleh kerana devian itu boleh terjadi samada secara fizikal ataupun verbal, indikator kedua-duanya akan digunapakai. Tingkah laku para penyokong secara fizikal (bergaduh, membaling objek, merosakkan harta benda awam dan menunjukkan isyarat lucah) dan secara verbal (memaki, menggugut, menyindir, memperlekehkan serta provokasi) diambil kira dalam kajian ini. Pada akhirnya, satu kesimpulan dilakukan samada para penyokong bolasepak di Malaysia lebih terarah kepada salah laku secara verbal atau fizikal mahupun kedua-duanya sekali.

1.7.2 Kawalan Sosial

Dalam sesebuah masyarakat, perlu adanya satu set kawalan sosial yang berfungsi mempengaruhi dan memastikan anggota masyarakat untuk kekal patuh kepada ⁵norma

⁵ Jangkaan yang dikongsi bersama oleh anggota masyarakat tentang kelakuan yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh anggota masyarakat secara keseluruhannya.